

KOMPETENSI PEGAWAI RUNDINGCARA DALAM MENGENDALIKAN
KAUNSELING PERKAHWINAN DI NEGERI JOHOR

NORHAYATI BINTI MD SALLEH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KOMPETENSI PEGAWAI RUNDINGCARA DALAM MENGENDALIKAN
KAUNSELING PERKAHWINAN DI NEGERI JOHOR

NORHAYATI BINTI MD SALLEH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2013

DEDIKASI

Terima kasih Allah memberikan peluang khusus Ph.D ini dihadiahkan buat menunaikan janji kepada bonda tercinta Hjh Rajiah bt Hj. Kolan dan ayahanda Hj Mohd Salleh Ahmad yang tak pernah putus mendukungku. Maafkan anakmu di saat semangatku hilang dan tenggelam, Allah menghadirkan bonda ujian penyakit Kanser Kolon dan Kanser Payudara. Diiringi ketabahan bonda terus berdoa dipanjangkan umur untuk melihatku tamatkan perjuangan. Terima Kasih Allah.. Terima kasih memberiku peluang...Aku persembahkan hadiah ini buat insan pemberian tidak ternilai dari Allah yang sentiasa ada buatku Mohd Zulmainoe Mohd Noh, terima kasih kerana memberikan ku peluang. Akanku pelihara janjiku bersemi di hati tersimpul mati. Khusus buat putra putri cinta hati Aiman Danial Zulmainoe, Aqiel Darwish Zulmainoe, Aleesya Delaila Zulmainoe yang sering menjadi korban mangsa keadaan, terima kasih atas pengertian. Anak-anak kesayangan insanku menumpang kasih Fathiah Najirah, Nurul Sharmimi Mohd Norman, Mohd Fadzrul Idzwan Mohd Norman, Mohd Fakhrol Aizam Mohd Norman, Fahmaninda Listyani. Bonda mertua Hjh Maimunah Salleh atas doa tulus yang tidak pernah putus, adik beradik dan seluruh keluarga terima kasih atas doa dan sokongan. Istimewa buat arwah ayahanda mertua Hj Mohd Noh Salleh dan arwah kekanda Mohd Norman Md Salleh, maaf atas keterlewatan. Semangat arwah abah yang selalu kurindu sentiasa mengiringiku sepanjang menyusur jalan pengajian.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah dengan nikmatnya tesis ini akhirnya dapat disempurnakan. Sejuta penghargaan atas bimbingan penyelia Prof. Madya Dr. Mohamed Sharif b Mustaffa. Prof Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal dan Prof Madya Dr Mohd Hafidz Omar atas bimbingan di peringkat awal kajian. Kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Pegawai Rundingcara yang terlibat, kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah serta Pusat Kaunseling dan Kerjaya UTM yang menghulur bantuan. Terima kasih juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah memberikan tajaan biasiswa. Jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai di Perpustakaan Sultanah Zanariah (UTM), Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penghargaan istimewa buat Hjh Azizah Mohd Zaki, mantan pengetua SMK.Taman Daya yang memberikan kerjasama, doa dan sokongan. Rakan guru, pelajar dan warga SMK. Taman Daya yang menjadi tonggak inspirasi “Semangat Membara Pemikiran Juara” sepanjang tempoh pengajian. Tidak dilupakan adik Norahidah Zainal (UTM) dan Norhadayah Ahmad (UTM) serta para sahabat perjuangan yang turut sama menyumbangkan bantuan.

Selaut kasih untuk bonda Hjh Rajiah Kolan dan ayahanda Hj Mohd Salleh Ahmad atas pengorbanan wang ringgit serta sokongan. Amat mengagumkan sekali semangat kalian dan menjadi teman sejati sepanjang jalan perjuangan ini. Buat suami tercinta Mohd Zulmainoe kerana bersabar mengharungi suka duka gelora Ph.D yang terlalu banyak ranjau durinya. Anak-anak, adik-beradik, kakak dan adik ipar seisi keluarga yang sentiasa memberikan semangat meneruskan perjuangan. Buat kakitangan D’LYZ Heritage, Mainoe dan kafe Nusantara, terima kasih memberikan sokongan moral sepanjang pembelajaran Ph.D.

ABSTRACT

This study aims to review the competency in Marriage Counselling Consultation Officer to address issues of Muslim married couples in Johor. The study uses qualitative research design involving multiple case studies. Case studies of six officers from five districts in Johor were selected through purposive sampling. Case study data were collected through interviews, observations and document analysis. All data were analyzed using the N'Vivo 7.0 software. Qualitative data collected through interviews, observations and document analysis were triangulated and used to obtain saturated data in order to answer all four main questions investigated. The results showed that Consultation Officers have moderate knowledge and skills in Marriage Counselling as well as Marriage Counselling skills. Religious approaches are the main practice during Marriage Counselling sessions. The study also found that the Consultation Officers are more comfortable to use religious personality styles because it is relevant to their working environment. The study also shows that having a Master Degree in academic credentials of Guidance and Counselling can help to improve the Consultation Officers competency in relation with Marriage Counselling knowledge, Marriage Counselling skills as well as counselling approaches in their role to help couples who are experiencing domestic conflict. Furthermore, the study also found that married status of Consultation Officer will increase the client's trust on their services. A special module on Marriage Counselling guidance with Muslim community background in Malaysia would be helpful to increase the competency of Consultation Officer in handling Marriage Counselling.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kompetensi Pegawai Rundingcara dalam Kaunseling Perkahwinan bagi menangani isu-isu perkahwinan pasangan Islam di negeri Johor. Kajian telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan melibatkan kajian kes pelbagai. Kajian kes telah melibatkan enam orang Pegawai Rundingcara melalui sampel bertujuan daripada lima daerah di negeri Johor. Data kajian kes telah dikumpul melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kesemua data kajian telah dianalisis menggunakan perisian N'Vivo 7.0. Data kualitatif yang diperolehi melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah ditriangulasi dan digunakan untuk memperoleh pola ketepuan data bagi menjawab semua empat persoalan utama yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan Pegawai Rundingcara berada di tahap sederhana mengenai pengetahuan Kaunseling Perkahwinan serta memiliki tahap yang sederhana dalam kemahiran Kaunseling Perkahwinan. Pendekatan Agama pula merupakan pendekatan kaunseling yang menjadi amalan Pegawai Rundingcara ketika mengendalikan sesi Kaunseling Perkahwinan. Hasil kajian juga mendapati Pegawai Rundingcara lebih selesa memilih cara gaya personaliti sebagai Pegawai Agama bersesuaian dengan *setting* mereka bertugas. Dapatan kajian turut menunjukkan kelayakan ikhtisas Sarjana Bimbingan dan Kaunseling dapat membantu meningkatkan kompetensi Pegawai Rundingcara berhubung pengetahuan Kaunseling Perkahwinan, kemahiran Kaunseling Perkahwinan serta pendekatan kaunseling dalam peranan mereka untuk membantu pasangan yang mengalami konflik rumah tangga. Selanjutnya, hasil kajian juga mendapati status berkahwin Pegawai Rundingcara dapat meningkatkan kepercayaan klien terhadap perkhidmatan mereka. Satu modul khas mengenai panduan Kaunseling Perkahwinan yang bersesuaian dengan latar belakang masyarakat Islam di Malaysia dirasakan perlu bagi membantu meningkatkan kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRACT	v
	ABSTRAK	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xix
	SENARAI SINGKATAN	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.2.1 Peningkatan Perceraian	7
	1.2.2 Kesan Perceraian	11
	1.2.3 Amalan dan Kompetensi Kaunseling Perkahwinan	12
	1.3 Penyataan Masalah	16
	1.4 Tujuan Kajian	17
	1.5 Objektif Kajian	17
	1.6 Persoalan Kajian	18
	1.7 Kerangka Konsep Kajian	18
	1.8 Kepentingan Kajian	20
	1.9 Batasan Kajian	21
	1.10 Definisi Konsep dan Definisi Operasional	22

1.10.1	Definisi Konsep	22
1.10.1.1	Perkahwinan	22
1.10.1.2	Perceraian	23
1.10.1.3	Kaunseling Perkahwinan	23
1.10.1.4	Kaunselor	24
1.10.1.5	Kompetensi Kaunselor	25
1.10.1.6	Pengetahuan	25
1.10.1.7	Kemahiran	25
1.10.1.8	Pendekatan	26
1.10.1.9	Personaliti	26
1.10.2	Definisi Operasional	27
1.10.2.1	Perkahwinan	27
1.10.2.2	Perceraian	27
1.10.2.3	Kaunseling Perkahwinan	27
1.10.2.4	Kaunselor	28
1.10.2.5	Kompetensi Kaunselor	28
1.10.2.6	Pengetahuan	28
1.10.2.7	Kemahiran	29
1.10.2.8	Pendekatan	29
1.10.2.9	Personaliti	29
1.11	Kesimpulan	30
2	SOROTAN PENYELIDIKAN	31
2.1	Pengenalan	31
2.2	Kerangka Konsep Kajian	32
2.2.1	Model Pengkelasan Tingkah Laku Intelektual Bloom	32
2.3	Tahap Kemahiran Kaunseling	38
2.4	Bentuk Pendekatan Kaunseling	42
2.4.1	Pendekatan Hisbah	42
2.4.2	Pendekatan Teori-Teori Barat	44
2.4.3	Perspektif Personaliti Muslim (1967; 1989; 1992; 1999)	45
2.5	Perkahwinan	46

2.5.1	Kepentingan Perkahwinan	47
2.5.2	Kepentingan Perkahwinan Dalam Islam	49
2.5.3	Sebagai Kunci Kebahagiaan	50
2.5.4	Asas Pembentukan Umat Sejati	50
2.5.5	Asas Kesenambungan Generasi Manusia	51
2.5.6	Sebagai Memelihara Kesucian Zuriat	51
2.5.7	Memperluaskan dan Mengeratkan Silaturahim	52
2.5.8	Sebagai Pengukuhan Ekonomi dan Sosial	52
2.6	Perceraian	52
2.6.1	Peningkatan Perceraian	54
2.7	Pengetahuan Kaunseling Perkahwinan	55
2.7.1	Kajian Dalam Negara	55
2.7.2	Kajian Luar Negara	58
2.8	Kemahiran Kaunseling Perkahwinan	62
2.8.1	Kajian Dalam Negara	62
2.8.2	Kajian Luar Negara	65
2.9	Bentuk Pendekatan Kaunseling	70
2.9.1	Kajian Dalam Negara	70
2.9.2	Kajian Luar Negara	75
2.10	Personaliti Kaunselor	84
2.10.1	Kajian Dalam Negara	84
2.10.2	Kajian Luar Negara	85
2.11	Kompetensi kaunselor	88
2.12	Amalan Kaunseling Perkahwinan JAIJ	91
2.13	Kesimpulan	92
3	METODOLOGI KAJIAN	94
3.1	Pengenalan	94
3.2	Rekabentuk Kajian	94
3.2.1	Persampelan	98
3.2.2	Kaedah Pengumpulan Data	100
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	103
3.3.1	Pra Kajian Lapangan (Kajian Tinjauan)	105
3.3.2	Kajian Rintis	105

	3.3.3	Kajian Lapangan	107
	3.3.4	Temu bual	108
	3.3.5	Analisis Dokumen	111
	3.3.6	Pemerhatian	113
	3.4	Isu Keesahan, Kebolehpercayaan dan Generalisasi	115
	3.5	Penganalisan Data	118
	3.6	Menulis Laporan Kajian	122
	3.7	Etika Kajian	124
	3.8	Rumusan	125
4		DAPATAN KAJIAN	127
	4.1	Pengenalan	127
	4.2	Bahagian A: Analisis Profil Responden Kajian Berdasarkan Latar Belakang Demografi	128
	4.3	Analisis Deskriptif Tahap Pengetahuan Kaunseling Perkahwinan Pegawai Rundingcara	129
	4.4	Analisis Deskriptif Tahap Kemahiran Kaunseling Perkahwinan Pegawai Rundingcara	141
	4.5	Analisis Deskriptif Pemerhatian Kemahiran Kaunseling Perkahwinan Pegawai Rundingcara	148
	4.6	Analisis Deskriptif Bentuk Pendekatan Kaunseling Perkahwinan Yang Diamalkan Oleh Pegawai Rundingcara	151
	4.7	Analisis Deskriptif Keperluan Cara Gaya Personaliti Pegawai Rundingcara Kaunseling Perkahwinan	156
	4.8	Kesimpulan	162
5		PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	163
	5.1	Pengenalan	163
	5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Mengenai Demografi Responden	164
	5.3	Perbincangan Analisis Dapatan Berdasarkan Persoalan-Persoalan Kajian	165
	5.3.1	Analisa Tahap Pengetahuan Kaunseling	

	Perkahwinan	166
5.3.2	Analisa Tahap Kemahiran Kaunseling Perkahwinan	170
5.3.3	Analisa Bentuk Pendekatan Kaunseling Perkahwinan	177
5.3.4	Analisa Cara Gaya Personaliti Pegawai Rundingcara Kaunseling Perkahwinan	181
5.4	Implikasi Kajian	183
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Kaunseling Perkahwinan	183
5.4.2	Implikasi Kajian Terhadap Pegawai Rundingcara	184
5.5	Batasan dan Cadangan Kajian Lanjutan	185
5.6	Penutup	186

BIBLIOGRAFI **188**

Lampiran A-F	225 - 250
--------------	-----------

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Statistik Perceraian Seluruh Negara Tahun 2001-2010 (JAKIM)	8
1.2	Aduan Rundingcara dan Kaunseling Di Negeri Johor Tahun 2011	9
1.3	Aduan Khidmat Nasihat. Aduan Selesai dan Dalam Tindakan Mengikut Klasifikasi Bagi Tahun 2011 Seluruh Daerah Negeri Johor	10
2.1	Kemahiran Yang Perlu Dimiliki Kaunselor	38
2.2	Kemahiran Kaunselor	40
2.3	Tahap Kepentingan Perkahwinan	49
2.4	Empat Tahap Perpisahan	53
2.5	Negara Brunei: Statistik Perkahwinan dan Perceraian Tahun 1999-2002	54
2.6	Statistik Perkahwinan dan Perceraian Pasangan Islam Tahun 1998-2003	55
3.1	Ukuran Rubrik Bagi Penilaian Tahap	122
4.1	Latar Belakang Demografi Responden	129
4.2	Skala Rubrik Tahap Pengetahuan Kaunseling Perkahwinan Responden	131
4.3	Ukuran Rubrik Tahap Kompetensi Kaunseling Perkahwinan Responden	131
4.4	Ukuran Skala Rubrik Tahap Pengetahuan Kaunseling Perkahwinan Responden	132
4.5	Skor Tahap kompetensi kemahiran responden	142
4.6	Analisa Tahap Kemahiran Responden Mengenai Kaunseling Perkahwinan	143
4.7	Analisa Tahap Kemahiran Responden Mengenai Kaunseling	

	Perkahwinan Melalui Pemerhatian Pengkaji	149
4.8	Klasifikasi Bentuk Pendekatan Yang Diamalkan Responden	151
4.9	Analisis Bentuk Pendekatan Kaunseling Perkahwinan Yang Diamalkan Oleh Responden	152
4.10	Analisis Cara Gaya Personaliti Pegawai Rundingcara	156

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	19
2.1	Model Personaliti Kaunselor Muslim Yang Menyeluruh (Syumul)(Diubah suai daripada Hj. Abd. Ghani, 1999)	46
3.1	Rekabentuk kajian kes kualitatif	96
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	104

SENARAI SINGKATAN

s.w.t.	-	Subhanahu Wataala
s.a.w.	-	Sallallahu Alaihi Wasallam
PRC	-	Pegawai Rundingcara
JAIJ	-	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
CACREP	-	Council For The Accreditation Of Counseling and Related Educational Programs.
SFCT	-	Solution for Focused Couple Therapy
SSMT	-	Structural Strategic Marital Therapy
AAMC	-	American Association of Marriage Counselor's
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UPSI	-	Universiti Perguruan Sultan Idris
UMT	-	Universiti Malaysia Trengganu
UM	-	Universiti Malaya

SENARAI LAMPIRAN

NO LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A	Borang perjanjian dengan responden	225
B	Garis Panduan Instrumen kajian	227
C	Skrip Temubual	231
D	Senarai bidang tugas Pegawai Rundingcara JAIJ	244
E	Senarai kebenaran menjalankan kajian	247
F	Surat pengesahan fakulti	249

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat terbentuk daripada unit yang terdiri daripada suami, isteri, anak-anak dan ahli keluarga yang tinggal dalam sebuah rumah. Keluarga merupakan tunggak perpaduan masyarakat. Keluarga yang rukun sangat penting dalam merealisasikan satu budaya hidup masyarakat bahagia dan murni (Salleh, 2003). Islam sebagai agama suci memberikan penekanan yang tinggi dalam usaha melahirkan keluarga yang madani. Pembentukan keluarga madani akan menghasilkan sebuah masyarakat dan negara yang sejahtera, mantap serta kukuh (Mustafa, 1997).

Goode (1993) menyatakan anggota-anggota dalam sesuatu keluarga menganggap satu sama lain sebagai individu dalam pertalian yang baik. Keluarga juga boleh difahami sebagai kaum, saudara mara, kaum kerabat, sanak saudara atau seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri atau beserta anak-anak (Adawiyah, 2007).

Perkahwinan dalam Islam merupakan sunnah Allah s.w.t. ke atas makhluknya di atas muka bumi ini seperti firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Mahasuci Tuhan yang telah menciptakan setiap makhluk berpasang-pasangan semuanya, baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka maupun dari apa yang tidak mereka ketahui”.

(surah Yassin 36:36)

Rumah tangga satu tanggungjawab yang besar untuk pasangan suami isteri (Robinson dan Blanton, 1993). Rumah tangga bukan sekadar terbentuk atas dasar cinta sebaliknya perlu dikendalikan dengan amanah, tanggungjawab serta disemai bersama kasih sayang (Murstein, 1986).

“Dan di antara tanda-tanda bahawa Dia menciptakan jodoh untukmu dari bangsamu, supaya kamu bersenang-senang kepadaNya dan Dia menjadikan sesama kamu kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya tentang demikian itu, menjadi tanda bagi kaum yang memikirkan”.

(Surah al-Rum : 21)

Sikap tentang perkahwinan menurut Sporkowski, M.J, (1995) merujuk pandangan individu tentang perkahwinan dan peranan institusi perkahwinan. Sikap yang positif menunjukkan perkahwinan akan berjaya dan bahagia, sikap negatif tentang perkahwinan pula menggambarkan perkahwinan hanyalah perjanjian undang-undang sama seperti kontrak perundangan yang lain (Smith *et al.* 1995). Nichols dan Schwartz (2001) menyatakan perkahwinan merupakan perhubungan kompleks dalam siri interaksi tahap sedar dan tidak sedar antara dua orang atau lebih. Interaksi ini mempengaruhi harapan, penilaian dan perasaan antara satu sama lain yang akan mempengaruhi tingkah laku mereka (Holman dan Jacquart, 1998). Kesanggupan memahami peranan masing-masing untuk menjaga keharmonian keluarga (Muhammad Zuhair, 1995) boleh memberikan perkahwinan yang bahagia seperti impian dan wawasan setiap pasangan (Sofiah, 2001).

Realitinya tidak semua pasangan mampu menjadikan impian mereka satu kenyataan (Sperl, 2002) kecuali pasangan yang bernasib baik berjaya mengekalkan perkahwinan mereka (Benokraitis, 1996). Gottman (1994) mendapati apabila rumah tangga dibina gagal dipertahankan ramai pasangan mengambil keputusan

mengakhiri perkahwinan mereka dengan berpisah atau bercerai. Selepas perang dunia kedua, statistik di Amerika Syarikat mendapati empat puluh peratus sahaja rumah tangga dapat dikekalkan selama sepuluh tahun perkahwinan mereka (Mustafa, 1997).

Islam menghalalkan perceraian tetapi merupakan perkara halal yang paling dibenci atau dikutuk oleh Allah s.w.t. (Mat Saad, 1993). Islam mengharuskan perceraian jika dikhuatiri memburukkan lagi keadaan sebagaimana terjemahan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Diceritakan Kathir b. Abiah menghabarkan Muhammad b. Khalid daripada Mu’arrafa bin Wasil daripada Muharib bin Ditsar r.a. daripada Ibn Umar dia berkata “ Rasulullah s.a.w. bersabda : perkara halal yang paling dibenci oleh Allah Azza Wajallah ialah talak”.

(Riwayat Abi Daud bin Ibn Majad)

Terjemahan ayat hadith di atas jelas menggambarkan apabila mengalami masalah pasangan perlu berbincang bagi mengelakkan sesuatu keputusan dibuat secara terburu-buru (Abi Bakr Ahmad, 1990). Apabila pertelingkahan berpanjangan, pasangan harus mencari perdamaian melalui campur tangan orang perantaraan bersesuaian dengan aturan yang disarankan oleh Islam dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Kalau takut-takut perselisihan antara kedua-dua suami isteri hendaklah kamu dapatkan seorang hakim daripada keluarga lelaki dan seorang hakim dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua hakim itu menghendaki perdamaian, nescaya Allah s.w.t. akan memberikan taufiq kepada kedua-dua suami isteri itu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui”.

(surah an-Nisa’ 4:35)

Dalam konteks masyarakat Islam Malaysia pula, perkhidmatan kaunseling telah dijadikan satu kaedah di Jabatan Agama Islam sebagai usaha untuk membantu

pasangan suami isteri yang mengalami konflik rumah tangga serta menangani keruntuhan institusi kekeluargaan kerana masalah keluarga bukan lagi menjadi masalah individu tetapi sudah menjadi masalah sosial yang memerlukan perhatian serius dari pelbagai pihak untuk menanganinya. Penerimaan masyarakat ke atas proses kaunseling sebagai satu bentuk sistem sokongan menjadi semakin meluas dan sudah dapat diterima kewujudannya oleh masyarakat Islam Malaysia.

Kaunseling di Jabatan Agama pada peringkat awalnya dikenali sebagai Rundingcara dan kaunseling. Tugas pegawai yang bertanggungjawab melibatkan pengurusan sebagai pemudahcara. Di samping itu, pegawai yang terlibat dalam unit ini tertakluk kepada akta yang menjurus kepada pelbagai tugas yang diperlukan seperti wakil rasmi kadi semasa ketiadaannya, sebagai AJK dalam bidang keagamaan dan penandaan pelbagai surat. Mulai tahun 1998 tugas tersebut telah diubah dan secara khusus lebih memfokus kepada perundingan dan khidmat nasihat kepada pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga. Dalam konteks ini, peranan Pegawai Rundingcara sangat penting kerana kecekapan atau kompeten mereka dalam membimbing sesi tolong-bantu boleh menyelamatkan rumah tangga yang telah dibina secara sah.

Ruang lingkup tugas Pegawai Rundingcara menyaksikan mereka menerima klien dari pelbagai latar belakang demografi dan masalah. Dalam situasi tertentu, terdapat dalam kalangan klien yang hadir berjumpa Pegawai Rundingcara telah mengalami konflik yang berlarutan dan membawa keputusan untuk berpisah (Mohd Fauzi, 2004). Kebolehan Pegawai Rundingcara untuk membantu pasangan mempertimbangkan semula keputusan mereka selepas melalui sesi kaunseling merupakan cabaran terbesar buat mereka. Justeru itu, untuk mengekalkan mutu perkhidmatan yang profesional Pegawai Rundingcara perlu berusaha dalam meningkatkan kompetensi kaunseling sebagai memenuhi tuntutan tanggungjawab profesional dan menjadi pilihan pasangan untuk datang berbincang di peringkat awal konflik rumah tangga mereka. Ini bersesuaian dengan pandangan pakar-pakar terapi yang berpendapat bahawa kompetensi kaunselor sangat penting dan merupakan faktor utama dalam pemilihan calon kaunselor (Grunebaum, 1983; Neukrug dan Williams, 1993; Neukrug, Miliken, dan Shoemakaer, 2001).

Secara umumnya, kompetensi Pegawai Rundingcara ini boleh dilihat berdasarkan kenyataan *Treasurry Board Of Canada* (2000) yang menyatakan bahawa kecemerlangan individu itu amat bergantung kepada keupayaannya untuk mengeksploitasikan tiga set utama iaitu pengetahuan, kemahiran, serta kreativiti demi mengharungi era globalisasi. Kenyataan ini adalah bersesuaian dengan pandangan Neukrug (2007) yang menyatakan bahawa kaunselor yang cemerlang dan kompeten sentiasa menimba ilmu pengetahuan serta meneliti trend dan pendekatan-pendekatan kaunseling agar tidak ketinggalan dalam bidang yang diceburinya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Walaupun perkhidmatan kaunseling di Jabatan Agama Islam di Malaysia telah lama diwujudkan namun masalah perceraian, konflik rumah tangga masih berlaku bahkan meningkat setiap tahun. Siti Fatimah (2003) melaporkan setiap tahun 153,000 pasangan Islam di Malaysia mendirikan rumah tangga, namun dari tahun 1990 hingga 2001 terdapat 144,137 kes perceraian berlaku. Secara purata menurut Siti Fatimah terdapat 12,000 perceraian setahun dalam kalangan pasangan Islam sahaja. Kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2007 mendapati 32.2 peratus perkahwinan untuk tempoh lima tahun pertama mengalami perceraian dan dalam tempoh sepuluh tahun 27.7 peratus perceraian berlaku untuk tempoh enam hingga sepuluh tahun pertama perkahwinan. JAKIM turut melaporkan sebanyak 135,136 perkahwinan didaftarkan pada 2009, manakala 27,116 kes perceraian pula direkodkan pada tahun berkenaan dan ianya bersamaan satu perceraian pada setiap 15 minit dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Laporan JAKIM pada tahun 2010 pula memaparkan sebanyak 28,035 pasangan telah bercerai. Peningkatan fenomena perceraian ini menunjukkan berlakunya peningkatan masalah perkahwinan dan selanjutnya membawa permintaan yang tinggi terhadap khidmat Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan di Malaysia (Mohd Fauzi, 2004). Individu atau institusi yang terlibat dengan agenda sosial perlu tampil dalam menangani masalah sosial yang melanda institusi keluarga Islam pada masa kini. Kewujudan Pegawai Rundingcara di Jabatan Agama mengendalikan sesi

kaunseling dan khidmat nasihat percuma kepada pasangan Islam amat besar peranannya dalam menangani masalah perkahwinan (Mohd Fauzi, 2004).

Sebagai individu yang menjadi rujukan dan menggunakan perkhidmatan kaunseling untuk membantu keluarga Islam yang bermasalah, Pegawai Rundingcara perlu melengkapkan diri mengikut perkembangan semasa sesuai dengan peranannya. Peningkatan masalah rumah tangga dan perceraian yang masih berlarutan menimbulkan satu pertanyaan tentang keberkesanan dan kebolehupayaan Pegawai Rundingcara memainkan peranan mereka. Sehingga kini tiada kajian secara sistematik untuk melihat kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan. Apakah Pegawai Rundingcara ini mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pendekatan berhubung dalam amalan memberi khidmat rundingcara dan adakah perkhidmatan ini telah diurus dengan berkesan.

Kajian ini juga sebagai lanjutan dari saranan Norhayati, Norhudayati, Roslee dan Sulaiman Shakib (2008), dalam penulisan yang bertajuk Peranan, Proses Kerja dan Tanggungjawab Kaunselor di Jabatan Agama dalam Menangani Masalah Kekeluargaan. Mereka telah mencadangkan tambah nilai yang perlu ada dalam konteks tugas Pegawai Rundingcara di Jabatan Agama iaitu; (i) perlu ada satu dasar yang berasaskan akta kaunseling, (ii) pegawai yang dilantik perlu ada tauliah, (iii) perlu ada pengubahsuaian bilik rundingcara agar lebih tenang dan tertutup, (iv) pegawai yang dilantik perlu ada pengalaman dan asas kaunseling agar teoritikal dapat diterapkan, (v) kurangkan beban tugas pada Pegawai Rundingcara dan hanya ada satu pengkhususan sahaja, (vi) klien perlu didedahkan kepada etika-etika jabatan dan sesi rundingcara dengan lebih sistematik, (vii) perlu ada arahan dari semasa ke semasa agar ada penambahbaikan.

Latar belakang masalah untuk kajian ini telah dilihat keperluannya berdasarkan peningkatan perceraian, kesan perceraian dan amalan Kaunseling Perkahwinan.

1.2.1 Peningkatan Perceraian

Melihat kepada masalah perceraian, statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (rujuk Jadual 1.1), sepanjang tahun 2009 dan 2010, 55,926 kes perceraian rumah tangga direkodkan termasuklah kes tertunggak pada tahun-tahun sebelumnya. Seterusnya kajian JAKIM pada tahun 2007 mendapati 32.2 peratus perkahwinan untuk tempoh lima tahun pertama dan 59.9 peratus perkahwinan untuk tempoh sepuluh tahun pertama rumah tangga pasangan berkahwin telah berakhir dengan perceraian.

Jadual 1.1 : Statistik Perceraian Seluruh Negara Tahun 2001-2010 (JAKIM)

Negeri / Tahun	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Perlis	186	226	253	164	228	326	309	458	502	523
Kedah	1549	1133	1085	1474	1737	2006	2188	2407	2749	2623
Pulau Pinang	717	911	925	916	913	813	917	937	1162	1044
Perak	1103	1975	1363	1508	1475	1577	1551	1951	1790	2223
Selangor	1870	1977	3158	3136	3030	3421	3685	4069	4614	5342
Kuala Lumpur	721	798	885	1296	1250	1423	1459	1444	1637	1721
Negeri Sembilan	564	629	684	638	807	867	907	1054	1243	1343
Melaka	475	530	589	553	612	726	758	889	923	1138
Johor	963	1627	1612	1690	1521	2001	2057	2329	3353	2793
Pahang	1042	894	917	616	1505	1541	1502	1719	1959	2140
Trengganu	1046	813	897	1172	1285	1232	1537	1341	1883	1273
Kelantan	2042	1472	1926	1952	1900	2014	2257	2266	2478	2573
Sarawak	602	634	652	826	820	974	910	1076	963	1511
Sabah	444	257	514	711	582	935	1040	746	2548	1704
WP Labuan	79	61	28	50	84	99	63	114	87	84
MALAYSIA	13,403	13,937	15,448	16,702	17,749	19,955	21,140	22,800	27,891	28,035

Berdasarkan jumlah perkhidmatan rundingcara yang dijalankan oleh Pegawai Rundingcara menarik minat pengkaji untuk melihat kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan ke atas pasangan yang mengalami konflik rumah tangga kerana statistik peningkatan perceraian terus meningkat saban tahun. Statistik kaunseling Jabatan Agama Negeri Johor pada tahun 2011 melaporkan jumlah tinggi aduan untuk mendapatkan perkhidmatan Pegawai Rundingcara sebagai usaha menyelesaikan masalah rumah tangga (rujuk Jadual 1.2), namun peningkatan perceraian terus meningkat saban tahun.

Jadual 1.2 : Aduan Rundingcara dan Kaunseling Di Negeri Johor Tahun 2011

Daerah	Baki Aduan 2010	2011	Jumlah Aduan
Ibu Pejabat	420	397	817
Johor Bahru	2213	964	3177
Muar	9	325	334
Batu Pahat	64	757	821
Segamat	40	432	472
Kluang	72	504	576
Kota Tinggi	86	311	311
Pontian	0	732	818
Mersing	27	311	338
Kulaijaya	14	237	251
Kulaijaya	14	237	251
Ledang	11	219	230
Jumlah	2956	5189	8145

Berdasarkan klasifikasi aduan, statistik dalam Jadual 1.3 sebanyak 8,145 aduan yang diterima sepanjang tahun 2011 termasuk aduan yang di bawa dari tahun 2010. Dari jumlah tersebut hanya 1,221 atau 15% kes yang berjaya didamaikan oleh Pegawai Rundingcara manakala selebihnya sama ada aduan di teruskan sehingga penyelesaian melalui mahkamah atau kes ditutup.

Jadual 1.3: Aduan Khidmat Nasihat. Aduan Selesai dan Dalam Tindakan Mengikut Klasifikasi Bagi Tahun 2011 Seluruh Daerah Negeri Johor

Klasifikasi Aduan	Aduan Dibawa	Aduan Semasa	Jumlah Aduan	Damai	Tutup	Mahkamah	Aduan Selesai	Dalam Tindakan
Tanggungjawab	1119	896	2015	331	1344	289	1964	51
Keluar Rumah	230	394	624	86	363	144	593	31
Penagihan	36	108	144	21	81	33	135	9
Poligami	54	146	200	27	117	35	179	21
Nafkah	213	365	578	95	343	122	560	18
Penderaan	110	263	373	67	225	67	359	14
Campur Tangan	139	316	455	107	241	74	422	33
Pelbagai	23	95	118	26	54	29	109	9
HIV/AIDS	1	2	3	0	3	0	3	0
Sumbang Mahram	0	3	3	0	1	0	1	2
Motivasi Kaunseling	367	787	1154	271	657	164	1092	62
PERMOHONAN								
Cerai Balik	487	1121	1608	135	625	826	1586	22
Cerai Taklik	9	209	218	5	57	151	213	5
Cerai Fasakh	168	475	643	48	253	339	640	3
Cerai Khuluk	0	9	9	2	4	3	9	0
Jumlah	2956	5189	8145	1221 (15%)	4368 (54%)	2276 (31%)	7865	280

1.2.2 Kesan Perceraian

Kajian-kajian telah menunjukkan perceraian berkaitan dengan penambahan bunuh diri dan penyakit psikotik di samping pertambahan tingkah laku luar biasa dan psikopatologi anak-anak mereka (Osman *et al.* 1990). Sebanyak 95 peratus daripada remaja yang terbabit dalam aktiviti jenayah adalah berasal daripada keluarga yang mengalami perceraian (Abd. Rahim dan Shawaludin, 2005). Perceraian melibatkan perubahan keluarga, mengakibatkan tekanan dalam kehidupan dan penyesuaian anak-anak remaja terhadap perceraian serta masalah menjalin hubungan dengan ibu bapa (White, 1990; Noller dan Callan, 1991). Kajian Zill *et al.* (1995), mendapati anak berumur 18 hingga 22 tahun dari keluarga berpecah belah cenderung dua kali ganda mempunyai masalah hubungan dengan ibubapa, menunjukkan ketegangan emosi dan menerima bantuan psikologi. Mereka memiliki kesejahteraan hidup rendah tiga tahun sebelum dan selepas perceraian (Sun dan Li, 2002), simptom stress anak-anak juga berlanjutan selepas dua tahun perceraian (Lauer dan Lauer, 1991). Aspek kesihatan menunjukkan anak mangsa perceraian berisiko tinggi mengalami kecederaan, asma, sakit kepala dan kecacatan pertuturan (Dawson, 1989). Akibat pengalaman pahit ini mereka menghadapi kesukaran mewujudkan matlamat dalam kehidupan (Wallerstein dan Blakeslee, 1990) dan berisiko bercerai apabila mereka berkahwin (Wallerstein dan Blakeslee, 1990; Techman, 2002).

Krisis sosial yang melanda institusi keluarga Islam memberi impak negatif terhadap akhlak golongan belia dan remaja Islam. Pembabitan ahli masyarakat antaranya remaja terhadap tingkah laku negatif seperti minum arak, seks bebas, dadah bentuk baru dan pelacuran bawah umur (Wan Roslili, 2004).

Masalah isu-isu keganasan rumah tangga di Negeri Johor turut menunjukkan peningkatan. Berdasarkan laporan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tahun 2006, berlaku peningkatan kes keganasan rumah tangga bagi Negeri Johor pada tahun 2006 iaitu sebanyak 53 kes berbanding tahun sebelumnya sebanyak 47 kes. Peningkatan berterusan keganasan rumah tangga di seluruh negara menunjukkan sebanyak 3,173 kes telah dilaporkan pada tahun 2010 dan angka ini meningkat kepada 3,277 tahun 2011 dan 506 kes untuk dua bulan

pertama tahun 2012 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tahun 2010-2012).

Mengulas mengenai perkara ini, Mufti Kerajaan Negeri Johor menyifatkan keruntuhan institusi perkahwinan seperti perceraian adalah antara faktor yang mendorong berlakunya kes keganasan rumah tangga (Hamdan, 2008). Kesan perceraian bukan sekadar meninggalkan kesan kepada pasangan malah mengundang peningkatan masalah sosial dalam kalangan anak-anak seperti ponteng sekolah, salah laku seksual, anak luar nikah dan kes buang bayi. Memandangkan Pegawai Rundingcara merupakan individu yang boleh membimbing pasangan untuk menghindarkan perceraian maka timbul minat pengkaji untuk melihat kompetensi Pegawai Rundingcara bagi membendung masalah sosial yang melanda masyarakat kesan konflik rumah tangga yang membawa kepada perceraian.

1.2.3 Amalan dan Kompetensi Kaunseling Perkahwinan

Dalam Islam penyelesaian pertikaian tanpa melalui prosedur perundangan secara formal dikenali sebagai Sulh. Masyarakat Arab pada zaman pra Islam mengaplikasikan konsep ini melalui kaedah tahkim sebagai amalan tradisi masyarakat mereka sebagai jalan penyelesaian berhubung pertikaian kekeluargaan, pertikaian komersial atau pertikaian kabilah. Kaedah tahkim ini memaparkan bahawa jika ada pertelingkahan antara suami-isteri, maka pertelingkahan itu akan dirujuk kepada jurudamai yang dipanggil hakam mewakili pihak masing-masing. Oleh kerana sistem suku atau kabilah pada masa itu didominasi oleh sistem suku atau kabilah maka setiap suku kaumnya mempunyai hakamnya sendiri (Coulson, 1991). Perkembangan Islam memaparkan perkhidmatan memberikan bantuan kepada orang yang bermasalah telah wujud di zaman era dakwah Nabi Muhammad (s.a.w), iaitu sejak Baginda dilantik sebagai Rasul pada tahun 610M. Peranan Rasulullah sendiri ketika itu adalah menjadi rujukan kepada orang Islam untuk mengadu masalah rumah tangga dan mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Proses Rasulullah (s.a.w.) membimbing umat Islam memahami, menerima dan menyelesaikan masalah rumah tangga yang dihadapi

tidak dikenali sebagai perkhidmatan kaunseling, sebaliknya lebih terkenal dengan nama sistem hisbah (Zainab, 2004). Hisbah adalah konsep syarak yang beerti perintah mengerjakan kebaikan (ma'ruf) yang sudah nampak ditinggalkan dan larangan mengerjakan kemungkaran yang sudah nampak dikerjakan serta memperbaiki hubungan sesama manusia (Yatimah, 2005). Walaupun pada zaman Rasulullah (s.a.w.) hisbah ini tidak dijalankan secara formal dan profesional, namun al-Mawardi berpendapat ia berjaya membentuk anggota masyarakat Islam untuk mempraktikkan amalan menghormati, berkasih sayang dan bertimbang rasa (Yatimah, 2005). Meskipun asas konsep hisbah ini diperluaskan oleh sarjana barat dengan munculnya pelbagai pendekatan teori, namun masalah sosial yang melibatkan rumah tangga dan keluarga terus berleluasa.

Di Malaysia amalan Kaunseling Perkahwinan ini bermula pada tahun 1963 di Jabatan Agama apabila peraturan pentadbiran mengenai perkahwinan, perceraian dan pembatalan perceraian telah memperuntukkan bahawa mana-mana permohonan perceraian tidak akan diluluskan kecuali setelah melalui permohonan melalui kadi. Di tahap ini proses tolong-bantu pasangan dijalankan oleh kadi sebagai ikhtiar mencari perdamaian dalam kalangan suami dan isteri sebelum membenarkan sesuatu perceraian (Asmah Bee, 2004). Khidmat kaunseling ini diperluaskan secara berterusan sehinggalah ke hari ini dengan perjawatan Pegawai Rundingcara bagi mengendalikan aduan dan memberikan khidmat kaunseling kepada pasangan yang bermasalah.

Amalan Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara ini diberikan secara percuma di semua Jabatan Agama di seluruh Malaysia. Perkembangan Khidmat kaunseling ini tidak hanya kepada masyarakat Islam bahkan kepada masyarakat bukan Islam. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah membuka ruang kepada masyarakat bukan Islam bermula dari tahun 2000 apabila membuka pusat kaunseling di pusat membeli belah. Selain amalan kaunseling secara bersemuka Pegawai Rundingcara MAINS kini telah memperluaskan khidmat kaunseling mereka secara Tele-Kaunseling sesuai dengan perkembangan teknologi semasa. Walaupun perkhidmatan Pegawai Rundingcara ini telah diterima masyarakat dan berkembang mengikut kemajuan teknologi, namun

ianya hanyalah pilihan terakhir pasangan setelah konflik antara mereka berlarutan atau arahan mahkamah sebelum perceraian dibenarkan.

Di Malaysia selain daripada Jabatan Agama, Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan juga diperluaskan kepada jabatan lain yang secara khusus boleh membantu meningkatkan kesejahteraan rumah tangga. Salah satu darinya adalah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Selain daripada melaksanakan program pembangunan keluarga perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan di LPPKN adalah Kaunseling Perancang Keluarga, Kaunseling Seksual, Kaunseling Keluarga, Kaunseling Remaja, Kaunseling Kanak-Kanak, Kaunseling Kelompok, Bimbingan Kerjaya dan Tele-Kaunseling. Peranan khidmat Kaunseling Perkahwinan di LPPKN ini lebih terarah kepada khidmat membimbing pasangan untuk menangani masalah kesuburan dan perancang keluarga yang dikendalikan oleh pengamal perubatan. Namun begitu, laporan aduan khidmat rundingcara JAKIM masih meletakkan antara punca pertelingkahan pasangan adalah tidak memperoleh zuriat. Sebagai salah satu badan yang mengamalkan proses tolong-bantu kepada pasangan sudah tiba masanya penggubal dasar mempertimbangkan untuk menyemak semula amalan Kaunseling Perkahwinan di LPPKN.

Selain dari Jabatan Agama dan LPPKN, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan Pusat Krisis Sehenti (PKS) bagi memberikan perlindungan dan kaunseling kepada mangsa keganasan domestik. Isteri dan ahli keluarga yang terdedah kepada mangsa keganasan domestik akan dikendalikan oleh unit ini. Sejarah perkembangan PKS bermula apabila pusat pertama ditubuhkan pada tahun 1986 di Hospital Universiti, Kuala Lumpur, yang kini dikenali sebagai Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), susulan daripada kempen anti keganasan terhadap wanita oleh pertubuhan wanita. Bagi meluaskan lagi perkhidmatan ini, pusat kedua dibuka lapan tahun kemudian di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Pada ketika ini kesemua kes dikendalikan secara *ad hoc*. Selanjutnya pada tahun 1996, Kementerian Kesihatan mengarahkan kesemua hospital negeri membuka PKS untuk mangsa keganasan domestik dan menjelang 1997, PKS telah ditubuhkan di hampir 90 peratus hospital kerajaan di seluruh negara yang kini melebihi 100 buah pusat (BERNAMA). Seajar dengan keperluan yang semakin meningkat di PKS seluruh Malaysia, Pertubuhan Majlis Wanita Kebangsaan telah berperanan melatih

sekumpulan kaunselor sukarela bagi membantu PKS. Pertubuhan ini juga kini dalam menyiapkan Panduan Kaunseling bagi memastikan latihan yang konsisten disediakan di seluruh negara bagi menjamin mutu perkhidmatan yang diberikan dalam sesi kaunseling dalam kalangan kaunselor sukarelawan ini. Bagi menjaga profesional kaunseling di Malaysia pihak penggubal dasar perlu melihat semula faktor kelayakan dan latihan yang diterima oleh kaunselor sukarelawan bagi meningkatkan mutu khidmat PKS.

Dalam kalangan negara jiran, Kaunseling Perkahwinan memang sudah merupakan sebahagian daripada proses pengendalian perceraian Mahkamah Syariah di Singapura sejak tahun 1955 (Asmah Bee, 2004). Amalan Kaunseling Perkahwinan di Singapura dilaksanakan terhadap pasangan yang bermohon untuk mendapatkan kaunseling ataupun untuk bercerai di Mahkamah Syariah. Pasangan tersebut perlu menghadiri sesi kaunseling di sebuah agensi yang ditetapkan Mahkamah Syariah di bawah Program Kaunseling Perkahwinan atau *Marriage Counselling Programme* (MCP). MCP mengadakan platform atau wadah yang selamat dan berkecuali buat pasangan membincangkan masalah-masalah rumah tangga. Peranan kaunselor ialah untuk memastikan bahawa pasangan menyedari sepenuhnya akan kesan keputusan mereka untuk bercerai dan jika perlu, memastikan supaya pasangan mendapat sokongan daripada agensi-agensi lain bagi mengurangkan kesan krisis rumah tangga ke atas diri atau anak-anak. Dalam konteks ini kehadiran klien ke sesi Kaunseling Perkahwinan termaktub atas arahan perundangan dan bukan atas dasar sukarela dan pemilihan berjumpa kaunselor bukan kerana keyakinan masyarakat terhadap kebolehan kaunselor .

Selanjutnya, Latipun (2006) menyatakan di negara Indonesia amalan Kaunseling Perkahwinan telah digunakan untuk menangani permasalahan yang telah dikategorikan secara khusus seperti berikut, (1) kesulitan memilih jodoh, suami atau isteri, (2) ekonomi keluarga yang tidak mencukupi, (3) perbezaan watak dan karakter yang terlalu menonjol antara suami dan isteri, (4) ketidakpuasan dalam hubungan seksual, (5) keletihan dalam rutin harian, (6) hubungan antara keluarga mertua yang kurang baik, (7) kehadiran orang ketiga, (8) masalah harta warisan, (9) dominasi ibubapa atau mertua, (10) salah faham antara suami isteri, (11) poligami dan (12) perceraian. Memandangkan negara Indonesia mempunyai kepadatan

penduduk antara yang tertinggi di dunia dan faktor geografi yang luas dan terpisah, maka sukar untuk memantau kompetensi Kaunseling Perkahwinan kerana kebanyakan pusat yang memberikan khidmat kaunseling berdasarkan latar belakang pegangan agama yang pelbagai.

1.3 Penyataan Masalah

Institusi perkahwinan masyarakat Islam negeri Johor kini mengalami perubahan membimbangkan dari segi peningkatan jumlah konflik rumah tangga yang akhirnya membawa perceraian. Berdasarkan statistik-statistik yang dikemukakan oleh JAKIM peningkatan jumlah pasangan yang bercerai di negeri Johor terus meningkat dari tahun 2001 sehingga 2010 pada kadar yang tinggi. Meskipun berlaku penurunan sebanyak 560 kes aduan pada tahun 2011 namun ia tidak boleh dianggap remeh oleh semua pihak. Berdasarkan klasifikasi aduan, statistik aduan yang diterima sepanjang tahun 2011 termasuk aduan yang dibawa dari tahun 2010 memaparkan hanya 1,221 atau 15% kes yang berjaya didamaikan oleh Pegawai Rundingcara manakala selebihnya sama ada aduan di teruskan sehingga penyelesaian melalui mahkamah atau kes ditutup (JAKIM). Fenomena ini telah menimbulkan tanda tanya kepada pengkaji kaedah perkhidmatan sesi kaunseling yang dijalankan oleh Pegawai Rundingcara bagi membantu pasangan Islam di Negeri Johor.

Sehubungan itu, pengkaji berminat untuk melihat kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan sebagai langkah spesifik dan berfokus ke arah meningkatkan kestabilan institusi keluarga. Sesungguhnya, kejayaan membantu pasangan terpicul di bahu Pegawai Rundingcara maka timbul keperluan meningkatkan profesionalisme mereka dari sudut pengetahuan, kemahiran, pendekatan dan personaliti. Kejayaan sesuatu pasangan menangani konflik rumah tangga dan menghindari perceraian boleh dipertingkatkan dengan keberkesanan kaedah Kaunseling Perkahwinan berkesan yang dilaksanakan oleh Pegawai Rundingcara.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian tinjauan telah memberikan pengkaji maklumat asas untuk menilai kompetensi Pegawai Rundingcara JAIJ dalam Kaunseling Perkahwinan. Sesi pemerhatian dan temu bual ketika kajian lapangan bertujuan untuk mendapatkan status amalan Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan mereka. Melalui dua kaedah ini pengkaji telah meneroka permasalahan yang menjejaskan mutu perkhidmatan Pegawai Rundingcara berhubung amalan Kaunseling Perkahwinan yang dipraktikkan. Pengkaji telah melihat kompetensi Pegawai Rundingcara dalam amalan Kaunseling Perkahwinan bagi mengatasi masalah perkahwinan mengikut latar belakang masyarakat Islam negeri Johor khasnya serta meningkatkan mutu perkhidmatan Pegawai Rundingcara JAIJ amnya.

1.5 Objektif Kajian

Untuk memahami kajian beberapa objektif perlu dicapai melalui kajian ini, iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ.
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ.
- iii. Mengenal pasti bentuk pendekatan kaunseling dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ.
- iv. Mengenal pasti cara gaya personaliti Pegawai Rundingcara JAIJ untuk Kaunseling Perkahwinan.


1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif dan tujuan kajian, kajian ini akan memfokuskan persoalan-persoalan berikut :

- i. Apakah tahap pengetahuan Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ?
- ii. Apakah tahap kemahiran Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ?
- iii. Apakah bentuk pendekatan Kaunseling yang diamalkan dalam kalangan Pegawai Rundingcara JAIJ?
- iv. Bagaimanakah cara gaya personaliti Pegawai Rundingcara di dalam melaksanakan perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan?

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini adalah berlandaskan kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan yang kini diamalkan oleh Pegawai Rundingcara JAIJ seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 pengkaji telah meneroka empat faktor utama dalam kajian ini. Faktor tersebut adalah pengetahuan Kaunseling Perkahwinan, kemahiran mengendalikan Kaunseling Perkahwinan, bentuk pendekatan kaunseling dan cara gaya personaliti. Keempat faktor tersebut merupakan pakej yang dapat membantu Pegawai Rundingcara meningkatkan kompetensi sesi Kaunseling Perkahwinan yang dijalankan. Dalam faktor pengetahuan Kaunseling Perkahwinan, elemen yang telah dilihat dalam kalangan Pegawai Rundingcara adalah keupayaan Pegawai

Rundingcara untuk memberikan definisi istilah, proses dan teori Kaunseling Perkahwinan. Faktor kedua iaitu kemahiran Kaunseling Perkahwinan elemen yang telah dilihat adalah kemahiran mengendalikan sesi kaunseling iaitu kemahiran mendengar, penerokaan, merumus, refleksi, membina hubungan, menstruktur, memimpin, pelan tindakan dan penamatan. Faktor ketiga adalah bentuk pendekatan kaunseling yang menjadi amalan Pegawai Rundingcara sama ada pendekatan teori barat, pendekatan Islam atau gabungan kedua pendekatan. Faktor terakhir adalah cara gaya personaliti Pegawai Rundingcara yang dilihat berdasarkan elemen demografi fizikal (cara gaya berpakaian), pengalaman (status perkahwinan) dan tahap intelek (kelayakan akademik).

Keempat faktor dalam kerangka konsep ini adalah saling bergabung untuk menentukan tahap kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan. Kesemua elemen yang dilihat dalam keempat faktor tersebut telah di tentukan berdasarkan kerangka teori kajian dan bersesuaian dengan budaya kaunseling di Malaysia.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi sumbangan kepada dunia kaunseling di Malaysia khususnya bidang tugas Pegawai Rundingcara di Jabatan Agama dan pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerajaan telah mengambil banyak inisiatif seperti mengadakan kursus pra perkahwinan, Program Keluarga Sakinah dan pelbagai kempen bagi meningkatkan mutu institusi kekeluargaan. Bertitik tolak dari itu maka penyelidik dan pelaksana khidmat Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan perlu meningkatkan kompetensi Pegawai Rundingcara dalam Kaunseling Perkahwinan bersesuaian dengan situasi masyarakat Islam di Malaysia. Usaha proaktif meningkatkan khidmat Pegawai Rundingcara bagi menangani permasalahan pasangan yang menghadapi krisis secara berkesan perlu dijalankan.

Para kaunselor atau pengamal kaunseling yang mendapatkan latihan di Malaysia diberikan pendedahan pendekatan kaunseling teras dan Kaunseling

Perkahwinan oleh ilmuan negara barat (Kamal, 2000). Melihat kepada statistik peningkatan kes perceraian maka pentingnya konsep Kaunseling Perkahwinan yang berasaskan masyarakat Islam di negara ini dibina bagi menangani permasalahan tersebut. Smith, R.L. (1994) menyatakan persekitaran yang kompleks dalam bidang masalah rumah tangga membawa banyak masalah yang mencabar keupayaan terapis perkahwinan dan keluarga berbanding terapis orientasi individu.

Terapi perkahwinan dan keluarga melibatkan pelbagai jenis prosedur dan teknik yang melibatkan sekurang-kurangnya dua ahli dalam keluarga (Johnson, 1986). Terapi dijalankan berkongsi pendekatan teoritikal yang sama seperti terapi individu (Schaff dan Schaff, 1991). Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas di Malaysia berkaitan kajian ini, didapati terlalu terhad laporan-laporan mengenai kajian yang dijalankan.

Kajian lapangan melibatkan kajian kualitatif sepenuhnya untuk meneroka kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan. Kajian kualitatif dilakukan kerana ia merupakan kajian penerokaan dan tidak banyak penulisan dalam bidang yang dikaji serta penyelidik perlu mendapatkan maklumat secara langsung daripada sampel (Cresswell, 1994 dan Lewis, 1999). Data-data dari kajian ini dapat dijadikan asas dalam penambahbaikan kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan yang boleh dicadangkan kepada pihak-pihak yang membuat polisi. Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada literatur yang sedia ada dalam negara berkaitan dengan bidang kaunseling. Harapan pengkaji ia merupakan pemula, pemangkin dan sumber rujukan untuk kajian lanjutan di Jabatan Agama negeri-negeri lain dan di organisasi yang turut membantu menangani permasalahan rumah tangga.

1.9 Batasan Kajian

Pada peringkat kajian kes, sampel difokuskan kepada enam orang Pegawai Rundingcara dari daerah Batu Pahat (seorang), Johor Bahru (dua orang), Segamat (seorang), Muar (seorang), Mersing (seorang), Pontian (seorang), Kluang (seorang)

dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian ini tidak menguji hipotesis untuk tujuan generalisasi seperti kajian eksperimen tulen dan korelasi.

Penggunaan teori-teori barat yang sedia ada akan dilihat dari proses mengaplikasikannya di dalam sesi kaunseling. Dapatan data kualitatif dalam kajian adalah berdasarkan interpretasi pengkaji sendiri yang mana akan di triangulasikan dengan data analisis dokumen dari Pegawai Rundingcara. Instrumen-instrumen kajian yang dibina pula adalah menjurus khusus untuk sampel kajian ini sahaja.

1.10 Definisi Konsep dan Definisi Operasional

1.10.1 Definisi Konsep

1.10.1.1 Perkahwinan

Perkahwinan dalam perkataan arab ialah *Al-Zawaj* yang bermaksud penemuan atau percantuman antara dua benda (Abul Khairi, 2000). Perkahwinan yang disyariatkan Islam lebih bersifat kontrak sivil berbanding upacara ikatan keagamaan (sacrament) kerana bergantung kepada tawaran (Ijab) dan penerimaan (Qabul) antara pihak-pihak tertentu (Nik Noriani, 1998). Menurut Asmah (2000), perkahwinan merupakan proses menyatukan pasangan lelaki dan perempuan bertujuan berkongsi kehidupan sebagai suami isteri melalui adat resam dan perkahwinan.

Perkahwinan diiktiraf sebagai satu institusi yang menyediakan asas kukuh bagi pembentukan keluarga asas di mana terdapat fungsi biologi dan keperluan (Gottman, 1995). Perkahwinan mencegah manusia daripada terjerumus ke lembah kehinaan dan bagi memelihara generasi manusia yang sah (Mustafa, 1997). Fauziah (1998) mengemukakan tiga faktor asas perkahwinan iaitu cinta, inginkan teman hidup dan memenuhi jangkaan masa depan dalam setiap keperluan psikologi. Perkahwinan membawa penyatuan seksual dan ekonomi yang mempunyai hak dan

kewajipan bertimbal-balik antara suami isteri dan dengan anak-anak yang bakal dilahirkan (Ember dan Ember, 1996).

1.10.1.2 Perceraian

Talak menurut istilah syarak bererti “melepaskan satu ikatan pernikahan dengan kata-kata atau lafaz (perkataan) tertentu iaitu talak (cerai), *sarah* (perlepasan) dan *firaq* (perpisahan) (Mat Saad, 1993).

Nik Noriani (1998) menyatakan bahawa pembatalan perkahwinan melalui perceraian adalah berlandaskan hak suami sebagai individu yang layak menjatuhkan lafaz tersebut. Perceraian adalah perpisahan di mana suami mempunyai hak dan bebas dilakukan terhadap isteri (Abul Khairi, 2000).

Menurut kamus Federal-Chambers (2003), perceraian (*divorce*) bermaksud penamatan secara rasmi dan sah terhadap sebuah perkahwinan dan membenarkan bekas suami dan isteri bebas untuk berkahwin lagi.

1.10.1.3 Kaunseling Perkahwinan

Kaunseling merupakan proses interaksi yang memberikan pemahaman bermakna berhubung diri dan persekitaran, menghasilkan pembentukan matlamat dan nilai untuk perlakuan masa depan (Egan, 2002). Noraini (2003) menterjemahkan kaunseling sebagai proses menolong individu supaya lebih sedar tentang dirinya dan bagaimana bergerak balas kepada pengaruh-pengaruh sekelilingnya.

Kaunseling Perkahwinan menurut Barker (1984), adalah proses memberi nasihat dan bimbingan profesional. Ianya mengandungi maklumat, pendapat, teguran dan cadangan membantu klien mengenal pasti alternatif dan berbincang mengenai kebaikan dan keburukan mengenai pilihan alternatif (Siti Zalikhah, 2002).

Kaunseling Perkahwinan dijalankan dalam banyak bentuk, menggunakan salah satu daripada beberapa teori sebagai asas konsep dan kepelbagaian teknik untuk mencapai matlamat (Wile, 1981). Kaunseling Perkahwinan membantu pasangan meneroka ruang yang wujud dalam perhubungan mereka (Fauziah, 1998) dan menyasarkan matlamat untuk mengatasi konflik yang dialami (Siti Zalikhah, 1996; Suurkivi, 1999).

1.10.1.4 Kaunselor

Corey (1996), berpendapat kaunselor adalah seorang yang menarik, suka bersahabat, mempunyai keyakinan diri serta percaya kepada orang lain. Kaunselor yang berkesan dan berjaya harus memiliki lima sifat iaitu konsisten, bertanggungjawab, kawalan, kreatif dan cekap (Parrott, 2003).

Altrukense *et al.* (2001) mendefinisikan kaunselor seorang yang memiliki kelebihan profesional, sains tingkah laku, pengetahuan moral, berorientasikan falsafah yang boleh memberi pertolongan serta petunjuk. Kaunselor juga mempunyai latihan profesional dalam bimbingan dan kaunseling sekurang-kurangnya setahun (Bakhtiar, 1983).

Zulkifli (1992) menyatakan bahawa kaunselor adalah bertanggungjawab menyediakan suasana yang memungkinkan perubahan berlaku secara sukarela. Kaunselor turut menjadi pembekal maklumat pendidikan dan pembelajaran sehingga kliennya dapat belajar membuat pilihan dan mengambil sesuatu keputusan muktamad (Mohd. Mansur dan Nordinar, 1993).

Zakaria (2007) menegaskan definisi kaunselor adalah mereka mengamalkan ilmu kaunseling di institusi di mana mereka ditugaskan atau mempraktikkan di premis persendirian. Menurut takrifan beliau kaunselor adalah sama ada seseorang itu berdaftar atau tidak dengan Lembaga Kaunselor yang bertugas di sekolah, jabatan kerajaan, swasta dan kaunselor persendirian.

1.10.1.5 Kompetensi Kaunselor

Cloniger (1993) menyatakan bahawa kompetensi merupakan beberapa elemen yang dimiliki oleh seseorang individu yang berkaitan dengan apa-apa yang mampu dilakukannya. Kompetensi kaunselor dikaitkan dengan ciri amalan kaunseling yang beretika (Ericksen dan McAuliffe, 2003). Pengamal kaunseling yang beretika perlu mempunyai kemahiran asas kaunseling yang baik (meliputi kemahiran melayan, menyoal dan membuat refleksi), kebolehsuaian empati (refleksi refleksi perasaan, pendedahan sendiri, konkrit dan contoh yang spesifik), membuat keputusan dan cekap dalam menstruktur kontrak bersama klien (Ericksen dan McAuliffe, 2003). Dalam pengertian yang lebih spesifik kompetensi merujuk kepada pencapaian profesional seseorang (Welfel, 2006).

1.10.1.6 Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada mengingat kembali sesuatu yang spesifik dan yang umum, mengingat kembali kaedah dan proses, atau mengingat kembali sesuatu pola, struktur atau latar idea-idea, bahan-bahan dan fenomena. Seorang kaunselor yang telah melalui latihan untuk menjadi pengamal terlibat dalam proses mengingat kembali konsep pertama, pandangan tentang manusia, matlamat kaunseling, hubungan terapeutik, teknik serta proses ketika mempelajari teori kaunseling. Selain itu, dalam latihan kaunselor juga ditekankan proses menghubungkan kaitkan antara teori dengan masalah sebenarnya yang dihadapi oleh klien. Dengan cara ini pengetahuan diperoleh dapat diingat secara berkesan menerusi penyelesaian masalah yang mirip kepada situasi-situasi yang sebenarnya.

1.10.1.7 Kemahiran

Kemahiran merupakan aktiviti melayan yang melibatkan kemahiran yang lebih mendalam daripada kemahiran mikro (Larson *et al.* 1992). Kemahiran ini

merangkumi kemahiran pemahaman dan penafsiran yang bersesuaian tentang isu yang dikemukakan klien berdasarkan aktiviti pentafsiran, menunjukkan hubungan yang selamat dan percaya, empati, ketulenan, menghormati, mempunyai pengetahuan yang mencukupi, bertingkah laku secara beretika dan berkebolehan untuk memilih teknik berkesan daripada teknik-teknik kaunseling yang pelbagai (Larson *et al.* 1992).

1.10.1.8 Pendekatan

Pendekatan merupakan teori kaunseling yang digunakan oleh kaunselor semasa menjalani sesi kaunseling. Teori kaunseling menyediakan pengamal kaunseling rasional di sebalik perkembangan manusia (Rober, 2005). Teori mengkhususkan pendekatan terapeutic untuk membawa hala tuju kaunselor mengenal pasti perkembangan masalah yang mengandungi pelbagai kepercayaan mengenai perkembangan hubungan dengan klien dan membantu kaunselor mentadbirkan teknik-teknik intervensi yang berbeza. Teori-teori psikoterapi dan teori kaunseling merupakan istilah yang serupa yang digunakan secara bertukar ganti di dalam profesion kaunseling. Sejalan dengan perkembangan profesion kaunseling perkhidmatan membantu mula menyedari nilai menggabungkan dimensi kerohanian ke dalam kaunseling dan penyembuhan (Fukuyama dan Servig, 1999). Kesedaran ini merupakan paradigma baru yang menggabungkan semula dimensi kerohanian ke dalam kaunseling (Wolf dan Steven, 2001).

1.10.1.9 Personaliti

Raudhah Ali (2010) menyatakan personaliti merujuk kepada kualiti yang berkekalan pada seseorang individu yang menyebabkannya menunjukkan tingkah laku serta cara berfikir yang sama dalam berbagai-bagai konteks atau keadaan. Robinson dan Kinnier (1998) mendefinisikan personaliti sebagai corak pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang yang stabil yang boleh digunakan untuk

membeza-bezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, personaliti akan memperlihatkan sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu (Norhayati, 2000).

1.10.2 Definisi Operasional

1.10.2.1 Perkahwinan

Perkahwinan dalam kajian ini merujuk kepada pasangan suami isteri beragama Islam di negeri Johor telah bernikah secara sah dari segi hukum syarak

1.10.2.2 Perceraian

Perceraian dalam kajian ini merujuk kepada krisis rumah tangga pasangan suami isteri yang tidak berjaya diatasi dan seterusnya membawa kepada perpisahan.

1.10.2.3 Kaunseling Perkahwinan

Kaunseling Perkahwinan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah merujuk amalan dan pembudayaan konsep Kaunseling Perkahwinan dalam kalangan Pegawai Rundingcara (Kaunselor) di Jabatan Agama Islam Negeri Johor ketika mengendalikan sesi kaunseling terhadap pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga atau ingin bercerai.

1.10.2.4 Kaunselor

Kaunselor dalam kajian ini adalah merujuk Pegawai Rundingcara. Pegawai Rundingcara ertinya Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17 yang dilantik termasuk secara sukarela, sangkut dan kontrak untuk mengendalikan proses rundingcara dengan klien bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh secara sukarela berlandaskan etika rundingcara. Pegawai Rundingcara ialah individu yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya peringkat sarjana muda dalam bidang pengajian Islam dan telah dilantik oleh Jabatan Agama Negeri Johor untuk mengendalikan pasangan suami isteri beragama Islam yang menghadapi konflik rumah tangga.

1.10.2.5 Kompetensi Kaunselor

Kompetensi kaunselor dalam kajian ini adalah merujuk kepada kompetensi Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan Kaunseling Perkahwinan. Kompetensi yang akan dilihat dalam diri Pegawai Rundingcara berdasarkan empat elemen iaitu tahap pengetahuan Kaunseling Perkahwinan, tahap kemahiran Kaunseling Perkahwinan, bentuk pendekatan yang menjadi amalan kaunseling serta cara gaya personaliti Pegawai Rundingcara sama ada berpenampilan sebagai kaunselor tulen atau imej ustaz dan ustazah.

1.10.2.6 Pengetahuan

Pengetahuan dalam konteks kajian ini dikaitkan dengan isu yang menjadi fokus kepada teori-teori kaunseling. Maklumat khusus tentang fakta tertentu dalam bidang Kaunseling Perkahwinan dari segi definisi dan konsep boleh dikaitkan dengan pengetahuan sesuatu teori kaunseling. Pengetahuan tentang aliran dan urutan

dalam proses membantu dikaitkan dengan pelan tindakan atau rawatan yang dibuat oleh Pegawai Rundingcara.

1.10.2.7 Kemahiran

Kemahiran ialah kebolehan individu untuk melakukan sesuatu dengan menggunakan pengetahuannya serta ia berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Kemahiran dalam konteks kajian ini adalah teknik atau urutan langkah-langkah yang disarankan dalam proses kaunseling mengikut pendekatan sesuatu teori kaunseling.

1.10.2.8 Pendekatan

Pendekatan merupakan panduan yang mendasari perjalanan Pegawai Rundingcara untuk membawa hala tuju sesi bersama klien. Pendekatan yang dilihat dalam kajian ini adalah pendekatan kaunseling yang mengandungi langkah-langkah dalam kemahiran kaunseling sesuatu teori atau pendekatan sesi bimbingan dan nasihat berdasarkan pengetahuan agama dan perundangan syariah yang menjadi panduan Pegawai Rundingcara dalam mengendalikan sesi.

1.10.2.9 Personaliti

Personaliti Penampilan kaunselor tulen berbanding penampilan sebagai ustaz atau ustazah, status perkahwinan, status kelayakan kaunseling merupakan gabungan personaliti yang akan dilihat di dalam diri Pegawai Rundingcara dalam konteks kajian ini.

1.11 Kesimpulan

Bab ini meliputi perbincangan mengenai perkembangan keperluan Kaunseling Perkahwinan di Malaysia secara keseluruhannya. Perbincangan termasuklah keperluan perkahwinan dan masalah rumah tangga yang menjadi isu masyarakat masa kini. Dalam latar belakang masalah, pengkaji membincangkan tentang kepincangan dalam kalangan masyarakat Islam serta penekanan kepada amalan dan kompetensi perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan untuk mewujudkan keluarga yang sejahtera.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghani Sulaiman (1999). *Kemahiran Asas Kaunseling*. Selangor Darul Ehsan: Kemaman Printing Press Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Othman (1996). *Kaunseling Islam: Ke Arah Pengukuhan Budaya Cemerlang*. UKM, Bangi, Selangor
- Abdul Halim Othman (2001). Senario Pendidikan dan Latihan Kaunselor di Malaysia. *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Kepiawaian Pendidikan dan Latihan Kaunselor di Malaysia*. 2-3 April. Quality Hotel, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Othman, Shuib Che Din dan Sapora Sipon (2000). Latihan Kaunseling di Malaysia: Satu Ulasan dan Cadangan. *Jurnal PERKAMA* 8: 137-151.
- Abdul Malek Mat Zin (2003). *Kemahiran Mendengar Dalam Kaunseling*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abd Rahim Saad dan Shawaluddin Aris (1995). Penyebaran Maklumat: Satu Pendekatan Pembaharuan Dalam Institusi Masjid. *Kertas Seminar Peningkatan Mutu Kepegawaian Masjid*. Universiti Sains Malaysia.
- Abi Bakr Ahmad b. Al Husayn Al-Baihaqi (1990). *Syub'ban al-Imam*. Kitab Al Mu'jam, Bab Fi HuQúq al-Awliid Wa al-Ahliyyin, No. Hadith 8074, Juz 6. Beirut: Dar Kutub al-Alamiyyah, h. 114.
- Abu Hassan Din (1996). *Krisis Rumahtangga dan Cara Mengatasinya*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.

- Abul Khairi Al-Latifi (2000). *Fiqh Perkahwinan : Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Adawiyah Ismail (2007). *Kaunseling Islam Ke Arah Pembentukan Keluarga Dinamik*. Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Ahmad Jazimin Jusoh (2008). *Penggunaan Terapi Realiti dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia*. Bangi: UKM
- Ahmad Jazimin Jusoh dan Aziz Yatim (2006). Terapi Realiti: Isu Amalan, Agama dan Budaya. Dlm. Md. Noor Saper (penyunting). *Isu-Isu Kaunseling Perspektif Islam*, (hlm. 130-154). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd
- Ahmad Jazimin, Hapsah Md. Yusof dan Sapora Sipon (2002). *Kaunseling Individu*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Ahrons, C. R. and Rogers, R. H. (1987). *Divorced Families: A Multi Disciplinary Development View*. New York: Norton.
- Aldous, Joan, and Dumon Wilfried (1990). Family Policy in the 1980s : Controversy and Consensus. *Journal of Marriage and The Family*. 52 : 1136-1151.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad (1967). *Ihuya 'Ulum al-Din. Al-Qahirah: Matabi' Subhul 'Arab*.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1980). *Ihya Ulum al-Din*. Jilid 3 dan 6. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Quran dan Tafsiran Al Rahman* (1995). Cetakan 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

- Alterkruse, M. K., Harris, H. L., and Brandt, M.A. (2001). The Role of Professional Counsellor in The 21st Century. *Journal Counselling and Human Development*. 34 (4):28-38.
- Amir Awang (2002). Halatuju Kaunseling di IPT : Revisited. *Kertas Kerja Seminar Hala Tuju Kaunseling di Malaysia*. 17-18 Jun, 2002. The Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Amir Awang dan Hapsah Md.Yusof (2006). Peranan Guru dan Kaunselor Dalam Membantu Pelajar Mengalami Kesedihan. *Jurnal PERKAMA* 12: 85-98.
- Amla Salleh, Arif Ismail, Salleh Amat dan Zuria Mahmud (2001). Kemahiran Respons Lisan Kaunselor dalam Sesi Kaunseling. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 26, 53-64.
- Amla Mohd Salleh (2001). Latihan Praktikum di IPTA Malaysia. *Jurnal PERKAMA* 9:110-134.
- Asmah Bee Mohd Noor (2004). Fungsi Psikologikal dan Penerimaan Sosial Golongan Transeksual di Pusat Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3, Psikologi dan Masyarakat. Gejala Sosial dalam Masyarakat*. 4-5 Oktober. Pusat Latihan KWSP Bangi. (ESSET).
- Asmah Hj. Omar (2000). *Oxford Fajar Advanced Learner English Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Kum Vivar Printing Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid (2007). Pendidikan Islam Wadah Pembangunan Modal Insan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga. Dasar dan Perlaksanaan*. 13 -14 Februari. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Atkinson, R.D., Wampold, B.E., Lowe, S.M. and Ahn, Hyun-Nie (1998). Asian American Preferences for Counsellor Characteristics: Application of the

- Bradley-Terry-Luce Model to Paired Comparison Data. *The Counselling Psychologist* 26: 101-123.
- Azrin, N.H., Naster, B.J. and Jones, R. (1973). Reciprocity Counselling: A Rapid Learning- Based Procedure for Marital Counselling. *Behavior Research and Therapy*. 11: 365-382.
- Bailey, K.D. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Edisi ke-2. Terjemahan Hashim Awang. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakhtiar Mansur (1983). Tugas-Tugas Kakitangan Bimbingan di Sekolah Menengah Mengikut Kategori, *Berita Bimbingan dan Kaunseling*. 2(1): 22-27.
- Baldwin, M., and Satir, V. (1987). *The Use of Self*. New York: Hawthorn Press.
- Barker, R.L. (1984). *Treating Couples in Crisis: Fundamentals and Practice in Marital Therapy*. New York: Collier Macmillan Publishers.
- Baucom, D.H., Shoham, V., Mueser, K., Daiuto, A.D., and Stickle, T.R. (1998). Empirically Supported Couple and Family Interventions for Marital Distress and Adult Mental Health Problems. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*. 66: 53-88.
- Becvar, D.S., and Becvar, R.S. (1999). *Family Therapy: A Systemic Integration*. (4th. ed.). Boston : Allyn and Bacon.
- Benokraitis, N.V. (1996). *Marriages and Families: Changes, Choices, and Constraints*. New Jersey : Practice Hall.
- Bernard, H.R.(2000). *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA :Sage.

- Beutler, L. E. (2000). Toward Specific Psychological Therapies for Specific Conditions. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*. 47: 882-892.
- Blocher, D.H. (1987). *The Professional Counsellor*. New York : McMillan.
- Bloom, B.S. (1979). *Taksonomi Objektif Pendidikan Buku Pedoman 1: Domain Kognitif*. Terjemahan. Abdullah Junus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bogdan, R.C. and Biklen S.K. (1998). *Quantitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 3rd Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Boyartzis, R.E. and Burrus, J.A. (1995). *The Heart of Human Resource Development : Counselling Competencies*. Case Western Reserve University: The Hay/McBer Group.
- Boyartzis, R.E. (2002). *Core Competencies in Coaching Others to Overcome Dysfunctional Behaviour: Consortium for Research on Emotional Intelligence in Organizations*, Case Western Reserve University.
- Brammer, L. (1993). *The Helping Relationship*, 5th edition. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Brammer, L.M. (1981). *Perhubungan Menolong*. Terjemahan Amir Awang.
- Brennan, T.P., and Piechowski, M.M. (1991). A Developmental Framework for Self-Actualization: Evidence from Case Studies. *Journal of Humanistic Psychology*. 31: 43-64.
- Brennen, J. (1992). *Mixing Methods: Qualitative and Quantitative Research*. Aldershot: Avebury.

- Broderick, C.B., and Schrader, S.S. (1991). The History of Professional Marriage and Family Therapy. In A.S. Gurman and D.P. Kniskern (Eds.). *Handbook of Family Therapy* (pp3-40). New York : Brunner/Mazel.
- Burns, R.B. (1998). *Introduction to Research Methods*. Chesire: Longman.
- Carkhuff, R.R. (2000). *The Art of Helping in The 21st Century*. New York: HRD Press.
- Carrol, J. S., and Doherty, W. J. (2003). Evaluating The Effectiveness of Premarital Prevention Programs: A Meta-Analytic Review of Outcome Research. *Family Relations*, 52(2): 105-118.
- Cavanaugh, M.E. (2001). *The Counselling Experience*. 2nd edition. Illinois: Waveland Press.
- Cherniss, C. (1998). Social and Emotional Learning for Leaders. *Educational Leadership* 55(7): 26-28.
- Ciarrochi, J.V., Chan, A.Y.C. and Caputi, P. (2000). A Critical Evaluation of The Emotional Intelligence Construct. *Personality and Individual Differences* 28: 539-561.
- Cloninger, S.C. (1993). *Theories of Personality: Understanding Persons*. Russell Sage College. Prentice Hall, Engelwood Cliffs, New Jersey
- Cohen, L., Mario, L., and Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. 5th edition. London: Routledge/Falmer.
- Collins R., and Coltrane, S. (1991). *Sociology of Marriage and The Family: Gender, Love and Property*. Chicago: Nelson-Hall.

- Constantine, Madonna, G. and Gainor, K.A. (2001). Intelligence and Empathy: Their Relation to Multicultural Counselling Knowledge and Awareness. *Professional School Counselling*. 5(2): 131-138.
- Constantine, M.G. (2001). Multicultural Training, Theoretical Orientation, Empathy, and Multicultural Case Conceptualization Ability in Counsellors. *Journal of Mental Health Counselling*. 23(4): 357-373.
- Consantine, M.G. (2001). Theoretical Orientation, Empathy, and Multicultural Counselling Competence in School Counsellor Trainees. *ASCA Professional School Counselling* 4(5): 342-348.
- Cooper, R.K. (1997). Applying Emotional Intelligence in the Workplace. *Training and Development* 5 (2): 31-38.
- Corey, G., and Corey, M. (1982). *Groups: Process and Practice* (2nd ed.). Monterey, CA: Brooks/Cole.
- Corey, G. (1996). *Theory and Practice of Counselling and Psychotherapy*. (5th ed.) Toronto, Ontario: Brooks/Cole Publishing Company.
- Corey, G. (2001). *Theory and Practice of Counselling and Psychotherapy*. (6th ed.) Belmont, California: Wadsworth and Brooks/Cole.
- Corey, G. (2004). *Theory and Practice of Group Counselling*. (6th ed.) Pacific Grove, CA: Brooks /Cole.
- Corey, G. (2005). *Theory Practice of Counselling and Psychotherapy*. (7th ed.) Thomson: Brooks/Cole Publishing Company.
- Cormier, S., and Cormier, B. (1989). *Interviewing Strategies for Helpers: Fundermental Skills and Cognitive Behavioural Interventions*. CA: Brooks/Cole Publishing Company.

- Coulson, N.J., (1991). *A History of Islamic Law*. Edinburgh University Press.
- Council for Accreditation of Counselling and Related Educational Program (1998). *CACREP Standards 2000, Second Draft*. Unpublished Manuscript.
- Creswell, J.W. and Plano Clark, V.L. Gutman, M., and Hanson, W. (2003). Advanced Mixed Methods Research Designs. In Tashakkori, A. and Teddlie, C. (Eds.). *Handbook of Mixed Method in Social and Behavioral Research*, (pp. 209-240). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cresswell. J.W. (1994). *Research Design : Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks : Sage Publication.
- Cresswell. J.W. (2003). *Research Design : Qualitative and Quantitative Approaches*. (2nd ed.). Thousand Oaks : Sage Publication.
- Cross, D.G. dan Khan J.A. (1983). The Value of Three Practitioner Groups: Religious and Moral Aspects. *Counselling and Values* 12: 13-19.
- D' Andrea, M. (2002). Postmodernism, Constructivism and Multiculturalism: Three Forces Reshaping and Expanding Our Thoughts About Counselling. *Journal of Mental Health Counselling*, 22, 1-16.
- Daniel, J. (2006). *Rehabilitation Counsellor Willingness to Intergrate Spirituality into Client Counselling Sessions*. Journal of Rehabilitation.
- David, R. (2004). A Leader's Profil: What Attributes Make an Effective Leader?. *International Test Users' Conference: Assessing Intelligence, Emotion and Behaviour*. 19-20 July. Melbourne, Australia.
- Dawson, D.A. (1989). Family Structure and Children's Health and Well-Being: Data From The National Health Interview Survey on Child Health. *Journal of Marriage and The Family*. 53:573-579.

- de Shazer, S., and Berg, I.K. (1985). A Part is Not Apart : Working With Only One of The Partners Present. In A.S. Gurman (Ed.). *Casebook of Marital Therapy* (pp. 97-116). New York : Guildford Press.
- de Shazer, S., and Berg, I.K. (1992). Doing Therapy : A Post-Structural Revision. *Journal of Marital and Family Therapy*, 18, 71-81.
- Denzin, N. K. (1989). *The Research Act: Theoretical Introduction to Sociological Methods*. Newbury Park:Sage.
- Doherty, W. J., and Simmons, D. S. (1996). Clinical Practice Patterns of Marriage and Family Therapists: A National Survey of Therapists and Their Clients. *Journal of Marital and Family Therapy*, 22: 9-25.
- Easton, C.J. (2004). The Relationship Between Emotional Intelligence and Counselling Self-Efficacy. *Dissertation Abstracts International Section A: Humanities and Social Sciences* 65 (7-A).
- Egan, G. (2002). *The Skilled Helper*. (7th ed.). Pacific Grove. CA: Brooks/Cole Publishing Company.
- Egan, G. (2007). *The Skilled Helper: A Problem – Management and Opportunity – Development Approach to Helping*. Boston: Brooks/Cole.
- Easton, C.J. (2004). The Relationship Between Emotional Intelligence and Counselling Self-Efficacy. *Dissertation Abstracts International Section A: Humanities and Social Sciences* 65 (7-A).
- Ember, C.R., and Ember, M. (1996). *Anthropology* (8th ed). New Jersey : Prentice Hall.
- Emma J.D. and Bond, F.W. (2004). The Relative Importance of Psychological Acceptance and Emotional Intelligence to Workplace Well-Being. *British Journal of Guidance and Counselling* 32 (2).

- Erikson, K. and McAuliffe, G. (2003). A Measure of Counsellor Competency. *Counselling Education and Supervision* 43: 120-133.
- Esterberg, K. G. (2002). *Qualitative Methods in Social Research*. Boston: McGraw-Hill.
- Faiver, C., Ingersoll, R. E., O'brien, E. and McNally, C. (2001). *Explorations in Counselling and Spirituality: Philosophical, Practical and Personal Reflections*. Thomson Learning. Ontario Canada: Brook/Cole.
- Fauziah Mohamad (1998). *Kaunseling Rumahtangga*. Selangor: Pustaka Ilmu.
- Federal Chambers Dictionary (2003). *Advance English Dictionary*. Selangor: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Fitch, T.J., Canada R., Marchall, J.L. (2001). The Exposure of Counselling Practicum Students to Humanistic Counselling Theories: A Survey of CACREP Programs. *Journal of Humanistics Counselling, Education dan Development* 40(2): 232-243.
- Fontana, A. and Frey, J.H. (1994). *Interviewing: The Art of Science*. In N.K. Denzin and Y.S. Lincoln (Eds.). *Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fukuyama, M. A. dan Sevig, T. D. (1999). Integrating Spirituality into Multicultural Counselling. *Counselor Education and Supervision* 30:6-17.
- George, R.L., and Cristiani, T.L. (1995). *Counseling: Theory and Practice*. (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Gibson, R.L. and Mitchell, M.H. (1981). *Introduction to Guidance*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Gibson, R.L. and Mitchell, M.H. (1995). *Introduction to Counselling and*

Guidance. (4th ed.). New Jersey: Prentice-Hall.

Gilgun, J.E., Daly, K., and Handel, G. (Eds), (1992). *Qualitative Methods in Family Research*. Newbury Park, CA : Sage Publication.

Gilliam, C. and Cottone, R.(2005). Couple or Individual Therapy for The Treatment of Depression? An Update of The Empirical Literature. *American Journal of Family Therapy*, 33: 265-272.

Gladding, S. T. (1996). *Counselling: A Comprehensive Profession*. (3rd ed.). Pearson: Marill Prentice Hall. New Jersey.

Gladding, S. T. (2004). *Counselling : A Comprehensive Profession*. (5th ed.). Pearson: Marill Prentice Hall. New Jersey.

Glenn, N.D. (1990). Qualitative Research on Marital Quality in The 1980's : A Critical Review. *Journal of Marriage and The Family*. 52(4): 818-831.

Glenn, N.D. (1991). The Recent Trend in Marital Success in The United States. *Journal Marriage and The Family*. 53 : 261-270.

Gockel Annemarie (2007). *How People Draw on Spiritual and Utilize Counselling to Create Experiences of Healing and Wellness*. Abstract From: Proquest File Dissertation Abstract Item: AAT NR31777.

Goode, W.J. (1993). *World Changes in Divorce Patterns*. New Haven : Yale University Press.

Gottman, J.M. (1994). What Makes Marriage Worse?. *Psychology Today*, March/April. 68:38-43.

Gottman, J.M. (1995). *What Predict Divorce? The Relationship Between Marital Processes and Marital Outcomes*. Hillsdale, New Jersey: Erlbaum.

- Greenberg, L.S., and Johnson, S.M. (1986). Emotionally Focused Couples Therapy
In N.S. Jacobson and A.S. Gurman (Eds.). *Clinical Handbook of Marital
Therapy* (pp. 253-278). New York : Guilford Press.
- Grunebaum, H. (1983). A Study of Therapists' Choice of a Therapist. *American
Journal of Psychiatry*. 140, 1336-1339.
- Guba, E.G. and Lincoln Y.Y. (1985). *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage
Publications.
- Gurman, A.S. (1983). Family Therapy Research and The "New Epistemology".
Journal of Marital and Family Therapy. 9: 227-234.
- Gurman, A.S. and Fraenkle, P. (2002). The History of Couple Therapy : A
Millennial Review. *Family Process*. Summer, 2002.
- Hamachek, Don, (2000). Dynamics of Understanding and Self-Knowledge:
Acquisition, Advantages, and Relation to Emotional Intelligence. *Journal of
Humanistic Counselling, Education and Development* 38 (4): 230.
- Hamdan Tawadi (2008, 15 Mei). Gejala Dadah Makin Parah. *Utusan Malaysia*.
Muat turun 16 Mei, 2008, daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah dan Farah Dina Yusof (2005).
Kompetensi Kaunselor di Dalam Perhubungan Menolong. *Prosiding
Persidangan Kaunseling Kebangsaan 2005*. 28-30 September. Hotel
Merdeka Palace, Kuching, Sarawak.
- Hanna, F.J., and Ottens, A.J. (1995). The Role of Wisdom in Psychotherapy.
Journal of Psychotherapy Integration. 5: 195-219.
